

(TERJEMAHAN)



UCAPAN Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, DI PERSIDANGAN
AGUNG UNESCO YANG KE 18 DI PARIS PADA
22HB. OKTOBER, 1974.

Tuan Yang Dipertua, Tuan-Tuan Yang Terutama, Ketua-Ketua Perwakilan dan Ahli-Ahli dari Rombongan Kebangsaan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

1. Ini adalah peluang keemasan bagi saya kerana dapat berucap dihadapan tuan-tuan dan puan-puan bagi pertama kalinya sejak saya dilantik sebagai Menteri Pelajaran beberapa bulan dahulu. Saya sukalah bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Ahli-Ahli Rombongan saya menyertai perwakilan-perwakilan yang telah berucap terlebih dahulu dari saya untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Dipertua atas perlantikan tuan. Tugas tuan bukanlah satu tugas yang senang, bagaimanapun saya menjamin kerjasama yang sepenuhnya kepada tuan dari Rombongan Malaysia.
2. Saya juga suka mengucap ribuan terima kasih kepada Lembaga Kerja, Ketua Pengarah dan Kakitangan-kakitangan Sekretariat atas kejayaan yang telah dicapai sungguhpun pertubuhan ini sedang mengalami keadaan sukar dalam dua tahun ini.
3. Kepada rombongan ahli-ahli yang baru di dalam pertubuhan ini the Democratic People's of Korea, the Republic of Guinea-Bissau, dan the Republic of San Marino, saya bagi pihak rakyat Malaysia mengucapkan selamat datang.

Tuan Yang Dipertua,

4. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun masih bergantung kepada bantuan teknikal dari UNESCO dan lain-lain agensi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu, dan bergantung juga kepada kerjasama dari negara-negara anggota yang lain bagi mencapai matlamat Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami masih berpendapat bahawa musuh yang sebenarnya kepada demokrasi dan kebebasan, adalah kejahilan, penyakit-penyakit, kemiskinan dan kekeciwaan, yang mana masih menjadi penderitaan kepada kebanyakan negara-negara yang sedang membangun di dalam Dunia Ketiga.

Bantuan teknikal yang boleh didapati dari agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu masih dikehendaki dengan banyaknya di negara-negara yang sedang membangun. Oleh yang demikian, peruntukan yang cukup mestilah diberi kepada agensi-agensi ini, seperti UNESCO - bagi membolehkannya meneruskan usaha menghapuskan musuh-musuh demokrasi dan kebebasan di dunia ini.

5. Bagi dua tahun yang akan datang, Ketua Pengarah telah pun meminta peruntukan yang menunjukkan kenaikan sebanyak 26.4% dari peruntukan dua tahun sekarang ini. Kenaikan ini pada pendapat saya amatlah berpatutan memandangkan keadaan inflasi di seluruh dunia sekarang ini. Memandangkan bahawa Pertubuhan ini mempunyai tugas yang begitu besar dihadapannya, saya suka menyeru semua negara-negara anggota supaya memberi sokongan kepada peruntukan yang dicadangkan ini dan terus melaksanakan segala program yang telah dirancang. Program-program ini amatlah mustahak bagi kemajuan sosial, ekonomi dan kebudayaan di negara-negara yang sedang membangun.

Pandangan atas 18 C/5, 18 C/4, dan 18 C/3

Tuan Yang DiPertua,

6. Saya suka **sekarang** menyentuh atas 3 dokumen yang penting Persidangan ini iaitu Laporan Ketua Pengarah bagi tahun 1973, seperti di dalam 18 C/3, Deraf Program dan peruntukan bagi 1975/76 seperti di dalam 18 C/5 dan analisa masaalah-masaalah serta matlamat bagi Rancangan Jangka Masa Pertengahan seperti di dalam 18 C/4. Bagi pihak Rombongan Malaysia, suka saya memberi tahniah kepada Ketua Pengarah dan kakitangan-kakitangan atas mutu yang tinggi yang terdapat di dalam dokumen-dokumen ini dan atas kejujurannya untuk membentangkan masaalah-masaalah yang sedang dihadapi oleh sekelian manusia.

7. Masaalah-masaalah yang dibangkitkan di dalam laporan ini pada pendapat Rombongan Malaysia amatlah penting dan dengan demikian mungkin mustahak seluruh struktur Pertubuhan ini dikaji dan disusun semula. Demikianlah juga harus dikaji semula cara-cara membuat program dan melancarkan program-program ini terutama sekali yang berhubung dengan agensi-agensi khas yang lain dan negara-negara anggota di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu. Sekarang saya bercadang mengemukakan setengah daripada masaalah-masaalah yang besar yang telah disebutkan oleh Ketua Pengarah di dalam laporannya dan saya akan memberi komen dan syur-syur untuk dipertimbangkan oleh Persidangan Agung ini dengan harapan syur-syur itu dapat melicinkan dan mengemaske lagi pertubuhan ini.

Pertubuhan-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bantuan untuk
Pembangunan.

8. Mula-mula sekali suka saya merujuk kepada pandangan Ketua Pengarah mengenai "Bantuan untuk Pembangunan" di dalam lapuran pada tahun 1973. Ketua Pengarah telah menyatakan tentang kemusykilan bagi menjalankan projek-projek UNDP dan telah menekankan tentang mustahaknya diadakan kajian semula yang teliti mengenai bantuan yang diberi kepada negara-negara melalui Sistem Bangsa-Bangsa Bersatu.

9. Rombongan Malaysia amatlah sukacita melihat Persidangan Luarbiasa Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan diadakan pada awal tahun 1975 untuk membincangkan dan menyusun semula sistem Bangsa-Bangsa Bersatu dan untuk menyesuaikan sistem itu dengan tugas-tugas yang baru. Saya berharap bahawa kajian ini akan membolehkan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu mengurangkan penduaan projek-projek dan mengelakkan dari membazir sumber-sumber yang terhad serta mengukuhkan lagi koordinasi rancangan-rancangan aktiviti-aktiviti dan cara-cara pelancarannya.

10. Sistem Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mampu membenarkan sistem-sistem lain menjalankan tugas-tugas yang sama serta yang bersaing. Oleh itu amatlah mustahak bahawa Persidangan Agung ini menitikberatkan dengan seberapa segeranya, bagi mengkaji seluruh masaalah bantuan antarabangsa yang diberi melalui sistem Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tugas-Tugas UNESCO di Wilayah.

11. Suka saya merujuk kepada lapuran Ketua Pengarah 1973 dokumen 18 C/3 mengenai tugas-tugas UNESCO di Wilayah-Wilayah. Rombongan Malaysia menyokong sepenuhnya pendapat bahawa aktiviti-aktiviti hendaklah dilancarkan terutamanya untuk seluruh dunia dan juga pada peringkat Kebangsaan. Tugas-tugas dan penyertaan UNESCO yang meliputi aktiviti-aktiviti Wilayah adalah peringkat yang mustahak antara peringkat dunia dan peringkat Kebangsaan. Kami merasa sukacita dengan pendapat Ketua Pengarah di dalam para 69 dalam 18 C/3 yang berbunyi "bahawa kepentingan-kepentingan tertentu Wilayah boleh menjadi kenyataan melalui rangka kerja sedunia yang dilancarkan oleh UNESCO.

12. Berkaitan dengan ini Malaysia merasa gembira menyatakan iaitu pada bulan Mei 1974, Lembaga Eksekutif telah memersetujui prinsip perhubungan yang sah dari segi undang-undang antara UNESCO dengan Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO). Negara-Negara di rantau Tenggara Asia adalah menunggu dengan penuh harapan akan satu zaman yang mempunyai penyertaan dan kerjasama yang rapat dengan UNESCO dalam projek-projek dan aktiviti-aktiviti serantau di dalam rangkakerja objektif-objektif Pertubuhan ini. Semenjak SEAMEO ditubuhkan 8 tahun yang lalu, enam projek serantau di bawah UNESCO telah dijalankan di rantau ini. Projek-projek serantau ini adalah menggambarkan semangat kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota di Asia Tenggara yang sepatutnya mendapat dorongan dan sokongan yang lebih dari pertubuhan antarabangsa seperti UNESCO. Dengan tertubuhnya satu perhubungan perundangan antara UNESCO dengan SEAMEO, adalah diharapkan lebih banyak lagi penyelarasan usaha dalam pengubalan dan pelaksanaan program-program dan rancangan-rancangan kedua-dua pertubuhan dan bertambah cekap lagi penggunaan sumber-sumber yang terhad di rantau ini.

Bidang-bidang Masaalah yang Besar dan Objektif-Objektif

13. Di sini, saya ingin membuat ulasan pada dokumen 18 C/4, yang mengandungi analisa Ketua Pengarah tentang masaalah-masaalah dunia yang besar di dalam bidang keanggotaan UNESCO.

14. Apabila UNESCO ditubuhkan pada tahun 1946, di kebanyakan kawasan di dunia ini pendidikan, sains dan kebudayaan belum lagi memberi sumbangan yang banyak terhadap pembangunan dan kesempurnaan hidup manusia. Tugas UNESCO adalah untuk menentukan iaitu pendidikan dan sains akan membantu pembangunan di bidang-bidang ini.

15. Tetapi oleh kerana satu demi satu tanah-tanah jajahan telah merdeka dan proses demokrasi merebak, maka terbitlah satu tugas baru yang mesti disegerakan dalam kerja badan ini. Permintaan untuk pendidikan dan penggunaan sains untuk kemajuan manusia telah bertambah dengan banyaknya. Bidang kerja untuk UNESCO telah bertambah banyak dan menjadi lebih banyak jenisnya.

16. Tetapi analisa mengenai hasil-hasil bantuan UNESCO sepatutnya menunjukkan bahawa sejauh mana negara-negara mendapat faedah adalah bergantung bukan sahaja pada besarnya bantuan tetapi pada kemampuan hakiki negara-negara yang dibantu itu menggunakan bantuan-bantuan ini. Dan kemampuan ini sebaliknya adalah sebahagian besarnya bergantung pada kekayaan negara itu.

17. Dalam lain-lain perkataan, bantuan UNESCO itu adalah lebih berkesan apabila negara penerima itu kaya daripada apabila ia miskin. Misalnya, kemajuan dalam kaedah-kaedah mengajar melalui bantuan UNESCO adalah lebih menyeluruh di negara yang mempunyai sistem pendidikan yang komprehensif dan lengkap kewangannya, daripada sistem yang mempunyai kewangan yang kurang dan terhad.

18. Sesungguhnya Ketua Pengarah dalam pendahuluan kepada dokumen 18 C/3, yang membincangkan Bantuan terhadap pembangunan telah membuat ulasan iaitu bantuan "mesti dianggap semakin berkurangan sebagai tambahan kepada sumber-sumber negara, tetapi mesti dipandang sebagai satu cara untuk menggalakkan penggunaannya dengan seluas-luas dan dengan cara yang baik". Dengan jelasnya jika sumber-sumber negara lebih kaya maka lebih besarlah kesan bantuan UNESCO itu.

19. Ini membawa saya kepada ulasan-ulasan di perenggan 174 pada dokumen 18 C/4 di mana Ketua Pengarah menegaskan iaitu "banyak bilangan negara-negara anggota adalah masih bergantung pada sektor utama, dan ekonomi mereka sebahagian besarnya — kalau tidak ke seluruhnya — berasaskan pada sumber-sumber asli".

20. Implikasinya ialah bahawa sumber-sumber asli tidak mendatangkan kekayaan. Kenyataan ini sebahagian besarnya adalah benar, di sebabkan oleh pengguna-pengguna sumber-sumber ini menguasai harga bahan-bahan tersebut melalui penguasaan pasaran dunia. Harganya ~~dihartikan~~ rendah dengan sengaja dan tidak berkaitan langsung dengan kegunaan bahan-bahan tersebut.

21. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengeluarkan bahan-bahan utama adalah sentiasa tertakluk kepada harga bahan-bahan utama dunia yang tidak tetap yang dikuasai oleh negara-negara maju. Harga-harga bijih timah dan getah dari Malaysia tidak ada hubungan dengan mustahaknya di dalam bidang perindustrian. Oleh sebab itu kekayaan Malaysia tidaklah setimbang dengan usaha dan kecekapan rakyatnya.

22. Adalah jelas bahawa sekiranya negara-negara maju yang menguasai harga bahan-bahan utama mengamalkan sikap adil dan bertimbangrasa terhadap dasar penetapan harga, maka kebanyakan negara-negara anggota UNESCO akan menjadi lebih kaya lagi dari keadaan sekarang. Dan oleh sebab kekayaan negara mempengaruhi kesan bantuan luar, tugas UNESCO akan menjadi lebih efektif dan sejagat serta akan lebih mudah membawa kemajuan seperti yang dikehendaki oleh negara-negara penerima bantuan.

23. Dengan membawa masalah harga bahan-bahan utama kepada perhatian perhimpunan ini saya berharap akan dapat sokongan yang tegas dari pørtubuhan ini untuk mendesak persidangan luarbiasa Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang yang akan diadakan dalam tahun 1975 supaya mengambil perhatian dan bertindak untuk mengatasi masalah harga-harga bahan mentah yang tidak adil. Harga bahan mentah yang tinggi yang boleh memperkayakan negara-negara pengeluar bahan-bahan ini, bukan hanya dapat menambahkan keupayaan mereka untuk mendapat keuntungan dari bantuan UNESCO tetapi sebenarnya akan mengurangkan keperluan kepada bantuan seumpama itu. Sebenarnya negara-negara yang kaya ini boleh menjadi punca bantuan untuk tugas-tugas UNESCO ini.

24. Mengenai persoalan kebudayaan, saya ingin lagi sekali memetik Laporan Ketua Pengarah, Para 175 yang berbunyi "Dalam merancang.....
..... pelajaran, sains, kebudayaan dan perhubungan, UNESCO hendaklah mempunyai matlamat untuk membantu meningkatkan daya pengeluaran pertanian, dan dalam waktu yang sama menambah kebahagiaan hidup dan mengekalkan keadaan alam sekeliling yang seimbang dengan kehendak-kehendak kemajuan.

25. Ini adalah satu kenyataan yang paling mustahak kerana pada masa ini kita sedang menyaksikan betapa banyaknya berlaku pemusnahan kepada kebahagiaan hidup dan alam sekeliling yang semula jadi. Ini adalah disebabkan oleh kemasukkan kebudayaan asing yang telah berlaku dengan mudah hasil daripada cara-cara perhubungan yang senang dan pesat. Apa yang dimaksudkan di sini ialah terutamanya perubahan-perubahan yang berlaku dan mudah di terima di dalam kebudayaan Barat yang bertujuan semata-mata untuk keseronokan hidup.

26. Kepada negara yang maju, kesan-kesan daripada perubahan-perubahan yang tidak bermaya ini adalah sedikit sahaja. Kekayaan, tradisi, kestabilan dan keteguhan institusi masyarakat telah berjaya menjauhkan kesan-kesan buruk ini ke atas agama, undang-undang dan disiplin diri. Oleh itu sungguhpun nilai-nilai sudah berubah, tetapi kemajuan negara-negara ini belum lagi tergentat. Sesungguhnya penyelidikan, pengumpulan, penyimpanan, penyibaran dan penggunaan ilmu pengetahuan di semua bidang telah dipercepatkan, sungguhpun adanya perubahan besar di dalam masyarakat mereka.

27. Tetapi kepada negara-negara yang sedang membangun kesan daripada nilai-nilai baharu terhadap kebudayaan mereka telah mengencatkan kebolehan mereka untuk maju. Mithalnya akibat memakan dadah, memuja fahaman hippy dan juga kerana tidak menghormati undang-undang telah pun

mengencatkan kemajuan pelajaran, pengeluaran tenaga-tenaga yang terlatih dan organisasi serta penggunaan tenaga manusia untuk pembangunan.

28. Sudah nyata, jikalau pengaruh kebudayaan yang dikatakan merosakkan kebudayaan negara-negara maju tidak disekat, maka segala usaha-usaha UNESCO tidak akan mengeluarkan hasil-hasil yang setimpal dengan usaha, masa dan wang.

29. Oleh sebab inilah, usaha-usaha telah dijalankan oleh negara-negara di Rantau Asia Tenggara bertujuan untuk membangkitkan perasaan megah terhadap kebudayaan asli mereka dan ini boleh dianggap sebagai satu benteng untuk mempertahankan kemasukan Kebudayaan Barat yang dikatakan tidak bermaya itu. Projek yang dibiayai oleh UNESCO ini bukanlah semata-mata satu latihan akademik tetapi bertujuan untuk menyumbangkan perasaan megah terhadap kebudayaan kami dan dengan ini dianggap sebagai satu benteng untuk mengawal kemasukan dan perkembangan kebudayaan asing yang dikatakan mempunyai unsur-unsur pemusnahan.

30. Memang sudah menjadi harapan kami supaya segala usaha UNESCO di bidang ini diberi bentuk baru dan usaha yang di susun rapi hendaklah dilahirkan di semua bidang. Ini dapat membena satu benteng bagi menjauhkan pengaruh-pengaruh yang buruk dengan jalan mengekal dan memajukan Kebudayaan Kebangsaan asli yang sesuai dengan kemajuan dan pembangunan.

DASAR PENGAMBILAN KAKITANGAN

31. Akhirnya, Tuan Yang Di Pertua, kami ingin mengemukakan perhatian kami terhadap dasar pengambilan kakitangan yang dilaksanakan oleh UNESCO. Pada fikiran kami, cara perlaksanaan dasarnya telah menimbulkan pembahagian perjawatan ikhtisas yang tidak seimbang di Ibu Pejabat Sekretariat.

32. Dasar untuk menetapkan bilangan kakitangan bagi negara-negara anggota sekarang yang berasaskan kepada sumbangan negara-negara itu terhadap belanjawan akan membeza-bezakan negara-negara anggota yang lebih kecil, dan tidak akan membolehkan Pertubuhan ini mencapai objektif Perkhidmatan Awam Antarabangsa sebagaimana yang termaktub dalam Artikul 6 para 4 Perlembagaan UNESCO.

33. Peri mustahaknya Perkhidmatan Awam Antarabangsa yang tulin bagi Pertubuhan ini tidaklah boleh disangkal lagi. Adalah mustahak bagi Ibu Pejabat Sekretariat ini seboleh-bolehnya dianggotai oleh pegawai-pegawai dari banyak negeri dan mempunyai pengalaman yang luas supaya Setiausaha Agung akan dibantu oleh pakar-pakar yang berkeahlian dan juga mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai keperluan dan hasrat negara-negara anggota di merata Wilayah dunia.

34. Oleh itu kami bersetuju dengan Lembaga Kerja bahawa pembahagian kakitangan mengikut negeri sekarang tidak memuaskan dan tindakan harus diambil untuk membetulkan pembahagian yang tidak seimbang itu supaya perkhidmatan antarabangsa yang tulin, yang mewakili, di semua peringkat, berbagai kebudayaan dan Wilayah di dunia ini, boleh dilaksanakan dalam Pertubuhan ini.

SELAMAT JALAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG ENCIK R. MOHEU

Tuan Yang Di Pertua.

35. Persidangan pada kali ini adalah Persidangan Agung yang terakhir bagi Setiausaha Agung kita yang terkenal ini. Monsieur Rene Moheu telah mengabadikan dirinya dalam perkhidmatan UNESCO sejak 12 tahun yang lalu dengan amat cemerlang. Dalam tempoh itu kita telah beruntung dalam serba-serbinya daripada kebijaksanaan dan pimpinannya yang dādikasi.

36. Dengan itu Perwakilan Malaysia ingin melahirkan rasa penghargaan yang ikhlas dan terima kasih terhadap segala yang telah dilaksanakan olehnya untuk Pertubuhan ini pada keseluruhannya dan untuk Malaysia khususnya. Kami ingin mengucapkan kepadanya selamat bersara dan di samping itu saya yakin beliau akan disanjung setinggi-tingginya oleh mereka yang mengenali beliau samada secara peribadi atau pun melalui kerja-kerja Pertubuhan ini.

SELAMAT DATANG KEPADA SETIAUSAHA AGUNG BARU

37. Kepada Encik Amadou Mohatar M'Bow yang tidak syak lagi akan dilantik oleh Persidangan Agung ini sebagai Setiausaha Agung UNESCO yang baru. Perwakilan Malaysia ingin menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan akan memberikan segala sokongan dan kerjasama. Malaysia telah menyokong Encik M'Bow untuk jawatan tertinggi bagi Badan ini kerana kebolehan profesyenal beliau yang telah ditunjukkannya dalam perkhidmatan yang lalu lagi cemerlang itu. Beliau akan memulakan pimpinannya bagi Pertubuhan ini pada peringkat yang begitu keritikal dan mencabar dalam sejarahnya.

Dengan adanya kerjasama yang tidak berbelah bagi dan perasaan muhibbah yang ikhlas dari negara-negara ahli kami yakin beliau akan dapat mengatasi sebarang kesulitan dan menyelesaikan masaalah-masaalah yang masih dihadapi oleh manusia. Bagi pihak Perwakilan Malaysia, izinkan saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Tuan Setiausaha Agung yang baru ini dalam segala usahanya.

PENUTUP

38. Dalam ucapan saya ini, saya telah cuba menyampaikan beberapa komen dan cadangan demi untuk memperbaiki kecekapan dan kesan Pertubuhan ini. Kami percaya segala-galanya akan dipertimbangkan dan diterima.

39. Kerajaan dan rakyat Malaysia adalah terikat sepenuhnya kepada dasar keamanan dan pengecualian di rantau Asia Tenggara dan persahabatan dengan seluruh negara serta rakyatnya. Dengan itu bagi pihak Perwakilan Malaysia, saya mengambil kesempatan di sini menegaskan kepercayaan kami kepada keunggulan keamanan dan hak asasi manusia bagi Pertubuhan ini dan berikrar akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan negara-negara anggota yang lain dalam tugas mulia UNESCO.

Kementerian Pelajaran

23.10.74.